

17 JUL 1998

PELABUHAN TEMPATAN SETANDING PELABUHAN ASING, KATA UMNO

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Pengeksport-pengeksport Malaysia disaran mengutamakan penggunaan pelabuhan tempatan seperti Pelabuhan Klang dan Pasir Gudang kerana ia menawarkan kemudahan yang setaraf dengan Pelabuhan Singapura.

Biro Antarabangsa Umno berpendapat langkah itu dapat menyekat pengaliran keluar wang negara terutama semasa kegawatan ekonomi sekarang.

Setiusahanya Haji Mustapha Yaakub hari ini berkata dengan berbuat demikian mereka juga dapat menjayakan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu semua pihak bersama-sama berusaha mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Sehubungan itu, beliau berkata Boro Antarabangsa Umno menyokong kenyataan Kementerian Pengangkutan yang bercadang menggubal undang-undang bagi memastikan penggunaan pelabuhan tempatan secara lebih meluas.

Semalam, Menteri Pegangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kementerian akan menggubal undang-undang yang mensyaratkan kira-kira 45 peratus pengimport dan pengeksport tempatan yang masih menggunakan pelabuhan di Singapura supaya menggunakan pelabuhan dalam negara.

Undang-undang itu juga akan mendorong pengendali kargo kontena supaya menjalankan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada perniagaan mereka di pelabuhan tempatan.

Mustapha juga meminta pihak berkuasa pelabuhan di negara ini memperbaiki kelemahan yang ada sekiranya kelemahan sedemikian wujud bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan pelabuhan tempatan.

-- BERNAMA

RV NAK